

Newspaper	Berita Harian
Date	18/08/2017

NCER mampu capai pelaburan RM146.5 bilion

BH
- 12/8/2017
M-2

➔ Pelbagai projek baharu pacu pertumbuhan ekonomi, tambah peluang pekerjaan di Wilayah Utara

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Muhammad Yusri Muzamir

bhnews@bh.com.my

Georgetown

Datuk Seri Najib Razak menjangkakan Pelan Tindakan Wilayah Koridor Utara (NCER) 2.0 yang akan berakhir pada 2025 mampu mencapai pelaburan terkumpul sebanyak RM146.5 bilion.

Perdana Menteri berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) NCER juga dijangka meningkat kepada RM300 bilion bagi tempoh



[FOTO RAMDZAN MASIAM/BH]

Najib melihat pameran model pembangunan NCER sebelum melancarkan Rangka Tindakan NCER di Georgetown, semalam. Yang turut hadir, Zambry, Azlan, Guan Eng, Redza dan Zainal.

2017-2025, berdasarkan rekod pertumbuhan purata 5.4 peratus yang dicapai negeri di utara antara 2010 hingga 2014.

“Sebanyak 80 projek baharu terdiri daripada tujuh nod pertumbuhan, 28 projek merentasi sempadan dan 45 projek berimpak tinggi setempat digariskan dan bakal memacu pertumbuhan ekonomi di Wilayah Utara bagi mencapai sasaran RM300 bilion pada 2025.

Pendapatan isi rumah naik

“Pada masa sama, saya menyarankan peningkatan purata pendapatan isi rumah kepada RM12,964, manakala golongan B40 pula pada tahap RM6,043,” katanya

ketika berucap merasmikan pelancaran Rangka Tindakan NCER 2.0 dan Siri Jelajah di Pusat Konvensyen Setia City di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Penasihat Khas Perdana Menteri bagi NCER, Datuk Seri Zainal Abidin Osman dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Redza Rafiq.

Pada majlis sama, Najib turut mengumumkan pakej insentif istimewa bagi NCER bagi melonjakkan pelaburan di kawasan berkenaan, membabitkan pengecua-

lian cukai bagi syarikat yang membabitkan diri dalam bidang pertanian, industri bio, pembuaian dan perkhidmatan.

“Saya yakin pengumuman ini akan dapat melonjakkan pelaburan di empat negeri ke tahap yang lebih tinggi, selain ia bakal memberi kesejahteraan yang lebih baik kepada lebih 4 juta penduduk di negeri ini, Kedah, Perlis dan Perak.

“Ia juga akan mencipta lebih 161,000 peluang pekerjaan kepada penduduk rantau utara, selain dapat merapatkan jurang pendapatan dan kesaksamaan sosial antara luar bandar dan bandar,” katanya.